# NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

The Personal Data Protection Act 2010 (the "Act"), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to GAX MD Sdn Bhd ("our", "us" or "we"). For the purpose of this written notice ("Notice"), the terms "personal data" and "processing" shall have the same meaning as prescribed in the Act.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**" tersebut) yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, terpakai kepada GAX MD Sdn Bhd ("**kami**"). Untuk tujuan notis bertulis ini ("**Notis**"), terma-terma "**data peribadi**" dan "**pemprosesan**" mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam Akta tersebut.

#### Consent/ Persetujuan

1. This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by us or on our behalf when you access our platform at <a href="https://www.mytheo.my">www.mytheo.my</a> ("Platform") and you hereby give your consent to the processing of your personal data.

Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak kami apabila anda mengakses platform kami di <u>www.mytheo.my</u> ("**Platform**") dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda bagi pemprosesan data peribadi anda.

#### Description of personal data/ Perihalan data peribadi

2. We may collect a variety of your personal data including but not limited to your name, Malaysian Identification Card number, passport number, e-mail address, contact number, occupation, income, bank account details, securities trading account details, credit record history, assets, investments, other personal data you submitted to us through the Platform and all other personal data we again collect from you on any subsequent occasion.

Kami mungkin mengumpul pelbagai data peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor Kad Pengenalan Malaysia, nombor pasport, alamat e-mel, nombor telefon, pekerjaan, pendapatan, maklumat akaun bank, maklumat akaun perdagangan sekuriti, rekod kredit terdahulu, aset, pelaburan, data peribadi lain yang anda hantar kepada kami melalui Platform dan semua data peribadi lain kami sekali lagi kumpul daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya.

### Purpose / Maksud

3. Your personal data is being or is to be collected and further processed for:

Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya untuk:

(a) performing our pre-contractual and contractual obligation with you; melaksanakan obligasi pra-kontrak dan kontrak dengan anda;

- (b) granting you access to the Platform and administering any account you open with us; memberikan anda akses kepada Platform dan mentadbir sebarang akaun yang anda buka dengan kami;
- (c) assessing your application for any of our products and/or services; menilai permohonan anda untuk mana-mana produk dan/atau perkhidmatan kami;
- (d) verifying your financial standing through credit reference checks;

  mengesahkan kedudukan kewangan anda menerusi semakan rujukan kredit;
- (e) verifying and carrying out financial transactions in relation to payments you make online; mengesahkan dan melaksanakan transaksi kewangan berkenaan dengan bayaran online yang dibuat oleh anda;
- (f) providing our products and/or services to you (or your company, if applicable);memberikan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda (atau syarikat anda, jika berkenaan);
- (g) processing instructions and requests from you; memproses arahan dan permintaan dari anda;
- (h) carrying out any transactions on your behalf when you use the Platform; melaksanakan sebarang transaksi bagi pihak anda apabila anda menggunakan Platform;
- (i) communicating with you; berhubung dengan anda;
- (j) responding to your inquiries and resolving disputes; menjawab pertanyaan anda dan menyelesaikan pertikaian;
- (k) conducting internal activities;menjalankan kegiatan dalaman;
- (I) market surveys and trend analysis; tinjauan pasaran dan analisis kecenderungan;
- (m) improving our services, content and advertising in the Platform; meningkatkan perkhidmatan, kandungan dan pengiklanan di dalam Platform;
- (n) providing you (or your company, if applicable) with information on our products and/or services, promotional offers and of our related corporations and business partners; memberikan anda (atau syarikat anda, jika berkenaan) maklumat tentang produk dan/atau perkhidmatan kami, tawaran promosi dan perbadanan-perbadanan berkaitan kami dan rakan perniagaan kami;
- (o) conducting other legitimate business activities;menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan sah lain;
- (p) complying with any legal or regulatory requirements; and memenuhi apa-apa kehendak undang-undang atau kawal selia; dan
- (q) such other purposes directly related to the foregoing.maksud-maksud lain yang berhubungan secara langsung dengan yang tersebut di atas.

(collectively, the "Purposes"). (secara kolektif, "Maksud-maksud" tersebut).

#### Source of personal data/ sumber data peribadi

- 4. Your personal data is being or is to be collected:

  Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan:
  - (a) from the cookies which collect information about you and your visit to the Platform dari cookies yang mengumpul maklumat mengenai anda dan lawatan anda kepada Platform tersebut;
  - (b) from your Malaysian Identity Card or passport; dari Kad Pengenalan Malaysia anda;
  - (c) from your bank statement;dari penyata bank anda;
  - (d) when you register to have access to the Platform, apabila anda mendaftar bagi tujuan mengakses Platform kami;
  - (e) when you log in to or use the Platform; apabila anda log masuk ke dalam atau menggunakan Platform;
  - (f) when you contact our customer service centre; apabila anda menghubungi pusat perkhidmatan pelanggan kami;
  - (g) when you submit your personal data to us for any of the Purposes; apabila anda menghantar data peribadi anda kepada kami untuk mana-mana Maksud;
  - (h) from any publicly accessible information;
     dari sebarang maklumat yang boleh diakses secara umum;
  - (i) from all other personal data we again collect from you on any subsequent occasion; and dari data peribadi yang lain kami sekali lagi dapati daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya; dan
  - (j) from all other information that you may provide us from time to time.

    dari semua maklumat lain yang anda mungkin berikan kepada kami dari masa ke semasa.

## Access to, correction of and limiting the processing of personal data/ Akses kepada, pembetulan terhadap dan had pemprosesan data peribadi

5. You have the right to request access to and to request correction of your personal data and to contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data (including the possible choices and means for limiting the processing of your personal data or to cease or not begin processing your personal data for purposes of direct marketing) from:

Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembetulan terhadap data peribadi anda dan untuk menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda (termasuk pilihan-pilihan dan cara-cara yang mungkin untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda atau untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda bagi tujuan pemasaran langsung) daripada:

Designation/ Perjawatan:	Customer Service
E-mail address/ Alamat E-mel:	support@mytheo.my

- 6. Subject to provisions of the Act:
  - Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut:
  - (a) you may, upon payment of a prescribed fee, make a data access request in writing to us; and Anda boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membuat suatu permintaan mengakses data secara bertulis kepada kami; dan
  - (b) we may refuse to comply with a data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.
    Kami boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data dan
    - hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan tersebut dan sebabsebab bagi keengganan tersebut.

#### Disclosure of personal data/ Penzahiran data peribadi

7. We disclose or may disclose your personal data to our related corporations, business partners, service providers, credit reporting agencies subcontractors of our service provider, our financial and professional advisors, banks, governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies and any such third party requested or authorized by you for any of the Purposes.

Kami menzahirkan atau boleh menzahirkan data peribadi anda kepada perbadanan berkaitan kami, rakan-rakan perniagaan kami, pembekal-pembekal perkhidmatan kami, agensi-agensi pelaporan kredit subkontraktor kepada pembekal perkhidmatan kami, penasihat kewangan atau profesional kami, bank, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, badan-badan kawal selia dan/atau berkanun dan dan manamana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut.

#### Third party personal data/ data peribadi pihak ketiga

8. We may require your assistance if the personal data relating to other persons is required to process your personal data for the Purposes and you hereby agree to use your best endeavors to assist us when required. In the event that personal Data of any third party is supplied by you to us, you shall ensure that such third party has read this Notice and consented to us collecting his/her personal data for any of the Purposes prior to the supply of his/her personal data to us.

Kami boleh menghendaki bantuan anda jika data peribadi yang berhubungan dengan orang lain dikehendaki untuk memproses data peribadi anda untuk Maksud-maksud tersebut dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk membantu kami bila dikehendaki. Jika data peribadi pihak ketiga telah diberikan oleh anda kepada kami, anda hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga tersebut telah membaca Notis ini dan bersetuju dengan pemprosesan data peribanya untuk manamana Maksud sebelum memberikan data peribadinya kepada kami.

#### Obligatory personal data/ Data peribadi wajib

9. It is obligatory that you supply us the details marked with asterisk (\*) in our registration form (collectively, "compulsory personal data"). If you fail to supply us the compulsory personal data, we may refuse to process your personal data for any of the Purposes and/or result in your inability to access the Platform and us being unable to provide you with the services and/or products requested.

la adalah wajib untuk anda memberikan kepada kami butir-butir bertanda asterisk (\*) dalam borang pendaftaran online kami (secara kolektif, "data peribadi wajib"). Jika anda gagal untuk memberikan kami data peribadi wajib tersebut, kami boleh enggan untuk memproses data peribadi anda untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut dan/atau menyebabkan ketidakupayaan anda untuk mengakses Platform tersebut dan kami tidak dapat memberikan anda produk dan/atau perkhidmatan yang diminta.

#### Transfer of personal data to places outside Malaysia/ Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia

10. We may transfer your personal data to a place outside Malaysia and you hereby give your consent to the transfer.

Kami boleh memindahkan data peribadi anda ke sesuatu tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini memberikan persetujuan anda tehadap pemindahan tersebut.

#### Accuracy of your personal data/ Ketepatan data peribadi

11. You are responsible for ensuring that the information you provide us is accurate, complete, not misleading and kept up to date.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

#### Conflict/ Konflik

12. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Sekiranya terdapat apa-apa ketidak-konsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

#### **Duration of Retaining Personal Data**

13. We will retain your personal data for as long as legally required until it is no longer necessary for any of the Purposes listed in this Notice.

Kami akan menyimpan data peribadi anda selagi diperlukan dari segi undang-undang sehingga data peribadi tersebut tidak lagi diperlukan untuk Maksud-maksud yang disenaraikan di dalam Notis ini.